

PANTUN SEBAGAI MEDIUM PENGAJARAN PENDIDIKAN MORAL: KAJIAN NILAI MURNI DALAM PANTUN PAK NAZEL UNTUK SEKOLAH MENENGAH

PANTUN AS A MEDIUM OF TEACHING MORAL EDUCATION: AN ANALYSIS OF NOBLE VALUES IN PANTUN PAK NAZEL FOR SECONDARY SCHOOLS

**Norfickry Aziel Tajip¹, Norjietta Julita Taisin^{2*}, Robe'ah Yusuf³, Shafira Shaqiera
Drani⁴**

Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia¹

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia^{2,3}

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia⁴

azieldtajip@gmail.com¹, norjietta@fbk.upsi.edu.my², robe_ah@fbk.upsi.edu.my³,
shaqiera@unisel.edu.my⁴

Corresponding Author*

Received: 17 September 2025

Accepted: 01 November 2025

Published: 08 November 2025

To link to this article: <https://doi.org/10.51200/jpp.v13i1.6818>

ABSTRAK

Kajian ini meneliti peranan pantun sebagai medium pengajaran pendidikan moral dengan menganalisis nilai murni yang terkandung dalam Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015). Pantun dipilih sebagai teks kajian kerana ia mewakili sebahagian penting daripada warisan sastra Melayu yang menyampaikan nasihat, panduan, dan pengajaran moral, menjadikannya relevan dalam konteks pendidikan masa kini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap enam rangkap pantun terpilih daripada Pantun Pak Nazel yang bertemakan nasihat, semangat, adat, taat, harmonis, dan agama. Analisis dijalankan secara tematik dengan mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam setiap pantun berpanduan kerangka teori nilai yang diaplikasikan dalam Pendidikan Moral di peringkat sekolah menengah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pantun Pak Nazel bukan sahaja berperanan sebagai medium hiburan dan ekspresi seni bahasa, tetapi turut menonjolkan fungsinya sebagai wahana pendidikan yang berkesan dalam penyampaian nilai murni kepada pelajar, khususnya nilai kejujuran, tanggungjawab, kerjasama, dan rasa hormat terhadap orang lain. Kajian ini menegaskan bahawa integrasi pantun dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu memberikan sumbangan signifikan terhadap pengukuhan teori nilai serta memperkaya pendekatan pedagogi Pendidikan Moral secara kreatif, kontekstual, dan berasaskan budaya. Integrasi ini turut menyokong usaha pelestarian sastra tradisional sebagai sumber pendidikan yang bernilai tinggi dalam pembentukan sahsiah pelajar dan penghayatan nilai murni secara menyeluruh.

Kata Kunci: pendidikan moral, nilai murni, pantun, sekolah menengah, Pantun Pak Nazel

ABSTRACT

This study examines the role of pantun as a medium for moral education by analysing the moral values embedded in Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015). The pantun was selected as the research text because it represents an important part of the Malay literary heritage that conveys advice, guidance, and moral teachings, making it relevant in today's educational context. This study employs content analysis on six selected pantun stanzas from Pantun Pak Nazel, which encompass the themes of advice, spirit, custom, obedience, harmony, and religion. The analysis was conducted thematically to identify the moral values contained in each pantun, guided by the theoretical framework of values applied in Moral Education at the secondary school level. The findings reveal that Pantun Pak Nazel not only serves as a medium of entertainment and artistic linguistic expression but also highlights its function as an effective educational tool for conveying moral values to students, particularly values such as honesty, responsibility, cooperation, and respect for others. This study affirms that the integration of pantun in the teaching and learning process can make a significant contribution to the reinforcement of value theory while enriching the pedagogical approach to Moral Education in a creative, contextual, and culturally grounded manner. This integration also supports the preservation of traditional literature as a valuable educational resource in shaping students' character and fostering a holistic appreciation of moral values.

Keywords: moral education, noble values, pantun, secondary school, Pantun Pak Nazel

PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat, cabaran terhadap pembentukan sahsiah dan nilai moral dalam kalangan pelajar semakin ketara. Pengaruh media digital dan budaya popular sering kali menyebabkan penghayatan terhadap nilai tradisional dan moral semakin berkurangan. Dalam konteks ini, penerapan nilai moral melalui bahan warisan seperti pantun menjadi semakin penting kerana ia bukan sahaja mencerminkan identiti budaya bangsa, tetapi juga mengandungi asas pendidikan yang relevan dengan keperluan pembentukan akhlak dan jati diri pelajar masa kini. Pantun merupakan salah satu genre sastera tradisional Melayu yang sarat dengan falsafah hidup, kearifan tempatan, serta nilai murni yang diwariskan turun-temurun. Dalam tradisi masyarakat Melayu, pantun tidak hanya berperanan sebagai hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai medium didaktik yang menyampaikan nasihat, teladan, serta panduan hidup (Harun Mat Piah, 2004). Antara karya yang menonjol dalam genre ini ialah Pantun Pak Nazel yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (Nazel Hashim Mohammad, 2015), mengandungi pelbagai pantun yang kaya dengan pengajaran moral dan nilai budi.

Dalam konteks pendidikan masa kini, khususnya di sekolah menengah, Pendidikan Moral menekankan pembentukan sahsiah dan pengamalan nilai murni dalam kalangan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), penerapan nilai murni melalui bahan sastera seperti pantun dilihat dapat memperkaya kaedah pengajaran dan pembelajaran (Abdul Halim Ali, 2011). Namun demikian, dalam praktik pengajaran, guru sering berdepan cabaran untuk menarik minat pelajar terhadap pembelajaran nilai moral yang sering dianggap abstrak dan bersifat teoritikal. Pendekatan konvensional yang berpusat pada hafalan konsep atau

perbincangan moral tanpa konteks budaya tempatan didapati kurang berkesan dalam membina penghayatan nilai secara mendalam. Oleh itu, pengintegrasian bahan tradisional seperti pantun dalam proses pengajaran dapat menyediakan pendekatan yang lebih kontekstual, kreatif, dan dekat dengan pengalaman pelajar, sekali gus menjadikan pendidikan moral lebih bermakna dan berkesan. Kajian ini meneliti bagaimana pantun, khususnya Pantun Pak Nazel, boleh dijadikan medium dalam pendidikan moral melalui analisis kandungan nilai murni yang terkandung di dalamnya.

Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015) merupakan sebuah kumpulan pantun kontemporari yang menghimpunkan pelbagai tema kehidupan, termasuk nasihat, pengajaran, dan renungan moral. Kandungan pantun-pantun ini mencerminkan kesinambungan fungsi pantun tradisional dalam menyampaikan nilai-nilai sejagat yang tetap relevan untuk pembinaan akhlak masyarakat moden (Nor Hasimah Jalaluddin, 2023). Dengan bilangan pantun yang lebih kecil berbanding koleksi lain, karya ini sesuai dijadikan teks kajian untuk analisis kandungan secara lebih fokus dan terarah. Dalam kajian ini, pemilihan pantun dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*) dengan menumpukan kepada pantun yang berunsur nasihat dan pengajaran moral, memandangkan kategori ini paling selaras dengan objektif kajian yang meneliti penerapan nilai murni dalam konteks Pendidikan Moral. Dengan bilangan pantun yang lebih kecil berbanding koleksi lain, karya ini sesuai dijadikan teks kajian untuk analisis kandungan secara lebih fokus dan terarah.

Kajian ini penting kerana ia menghubungkan sastera tradisional dengan keperluan pendidikan moden, serta menegaskan kepentingan melestarikan khazanah warisan bangsa dalam kerangka pendidikan kontemporari (Shamsul Amri Baharuddin, 2014; Mohd Kipli Abdul Rahman, 2020). Hasil kajian ini diharap dapat memberi sumbangan terhadap strategi pengajaran Pendidikan Moral, di samping memperkukuhkan kedudukan sastera tradisional sebagai wahana pembentukan nilai murni generasi muda. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam Pantun Pak Nazel dan menganalisis potensinya sebagai bahan bantu pengajaran dalam Pendidikan Moral di peringkat sekolah menengah.

Latar Belakang

Pantun merupakan salah satu bentuk sastera Melayu yang terkenal sejak zaman dahulu. Ia mempunyai struktur berirama dan bersajak yang unik, membolehkan mesej atau nasihat disampaikan dengan cara yang menarik dan mudah diingati. Pantun tradisional sering memuatkan nasihat tentang tingkah laku, hubungan sosial, dan nilai-nilai murni seperti kejujuran, hormat-menghormati, kesabaran, dan tanggungjawab. Di Malaysia, usaha memartabatkan warisan sastera melalui pendidikan formal semakin digalakkan. Pantun telah digunakan dalam pelbagai konteks pendidikan, termasuk pembelajaran bahasa, kemahiran komunikasi, dan pendidikan moral. Dalam konteks sekolah menengah, pelajar menghadapi cabaran moral dan sosial yang kompleks, menjadikan pendidikan moral melalui medium yang kreatif dan relevan semakin penting.

Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015) dipilih kerana koleksinya mengandungi pantun yang mudah difahami, sesuai untuk pelajar, dan kaya dengan nilai murni. Walaupun pantun telah diaplikasikan secara meluas dalam pengajaran bahasa dan kesusasteraan, penggunaannya sebagai alat bantu dalam pengajaran Pendidikan Moral masih

kurang diteroka secara sistematis dan mendalam. Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis nilai moral dalam pantun tersebut untuk menilai potensi pantun sebagai alat pedagogi dalam Pendidikan Moral di sekolah menengah. Dengan pendekatan ini, diharapkan pelajar dapat mempelajari nilai-nilai murni secara santai namun berkesan, sambil mengekalkan warisan budaya Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini menghimpunkan kajian-kajian terdahulu yang meneliti peranan pantun sebagai medium pendidikan, khususnya dalam menyampaikan nilai murni dan pendidikan moral. Fokus diberikan kepada kajian yang berkaitan dengan fungsi pantun dalam pembentukan sahsiah pelajar, keberkesanan sastra tradisional sebagai alat pedagogi, serta peranan pantun dalam konteks pendidikan formal di sekolah. Selain itu, tinjauan turut menyoroti penyelidikan yang menghubungkan pantun dengan pendidikan karakter dan nilai kehidupan, sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Dengan memahami asas teori, dapatan empirikal, dan aplikasi praktikal yang dibincangkan dalam kajian terdahulu, artikel ini berusaha menilai potensi Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015) sebagai medium pengajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.

Zuriah (2016) menekankan pentingnya pembelajaran pantun dalam menanamkan nilai moral di sekolah rendah. Melalui kajian di Sekolah Dasar Negeri Bangselok I Sumenep, beliau mendapati bahawa guru menggunakan pantun sebagai sarana untuk menanamkan nilai moral melalui penjelasan, pengaitan makna pantun dengan nilai moral, dan refleksi. Nilai-nilai yang ditonjolkan termasuk demokratis, kerja keras, religius, jujur, tanggung jawab, mandiri, kreatif, bersahabat, peduli sosial, dan gemar membaca. Dapatan ini membuktikan bahawa pantun berfungsi bukan sekadar hiburan, malah mampu menjadi instrumen pembentukan karakter dalam kalangan pelajar.

Walaupun bagaimanapun, dapatan ini masih berfokus pada konteks sekolah rendah dan luar Malaysia. Dalam konteks pendidikan Malaysia, khususnya di peringkat sekolah menengah, penggunaan pantun sebagai medium pendidikan moral masih kurang diterokai secara sistematis. Walaupun pantun sering digunakan dalam pengajaran bahasa dan sastra, potensinya untuk menyemai nilai murni dalam kalangan remaja belum dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk menilai keberkesanan pantun, khususnya karya Pak Nazel, sebagai bahan bantu pedagogi yang relevan dalam pengajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah Malaysia.

Penelitian lain turut dilakukan oleh Widiastuti dan Lestari (2022) dari Universitas Sebelas Maret, yang meneliti tiga puluh lima pantun nasihat dalam konteks pembelajaran Bahasa Indonesia di sekolah rendah. Hasil kajian mendapati bahawa pantun mengandungi nilai-nilai pendidikan karakter yang relevan untuk diterapkan dalam pembelajaran formal, antaranya nilai kejujuran, disiplin, dan tanggung jawab. Penemuan ini menegaskan lagi keberkesanan pantun sebagai medium yang dekat dengan budaya tempatan tetapi tetap signifikan dalam menyampaikan nilai sejagat.

Dalam konteks Malaysia, Azim Normiza Ahmad dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2021) menjalankan kajian khusus terhadap nilai patriotisme dalam koleksi Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015) yang mengandungi 275 rangkap pantun terbitan Dewan Bahasa


dan Pustaka. Kajian ini mengaplikasikan teknik bacaan rapi dan mendapati bahawa pantun-pantun tersebut dapat mendidik masyarakat, khususnya remaja, agar mempunyai jati diri serta menjadi warganegara yang bertanggungjawab terhadap bangsa, agama, dan negara. Dapatan ini menunjukkan potensi pantun sebagai medium pendidikan moral yang sesuai dengan aspirasi pembentukan warganegara berakhlak mulia dan berjiwa patriotik.

Selain itu, Ismail (2019) menekankan bahawa pantun turut diberi tempat dalam sistem pendidikan Malaysia melalui komponen sastera (KOMSAS). Artikel beliau menghuraikan bagaimana KOMSAS menekankan pemupukan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, kesopanan, dan semangat kebersamaan. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa karya sastera tradisional, termasuk pantun, masih relevan dan berfungsi sebagai wahana pendidikan moral yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar. Meskipun penggunaan pantun dalam KOMSAS lebih menumpukan kepada aspek bahasa dan estetika, nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya dapat dijadikan asas integrasi dalam pengajaran Pendidikan Moral, sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) untuk mengukuhkan pembelajaran nilai melalui pendekatan yang kontekstual dan berasaskan budaya. Pendekatan integratif ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, malah membantu menjadikan Pendidikan Moral lebih dekat dengan kehidupan dan identiti kebangsaan mereka.

Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu jelas memperlihatkan bahawa pantun berperanan besar dalam menyampaikan nilai murni dan pendidikan moral. Sama ada dalam konteks Indonesia mahupun Malaysia, pantun terbukti berfungsi sebagai instrumen pedagogi yang efektif untuk pembentukan sahsiah, pembinaan karakter, dan pemupukan nilai kehidupan. Dapatan ini menjadi asas yang penting bagi kajian ini untuk meneliti dan menilai potensi Pantun Pak Nazel: 101 Perkara sebagai medium pengajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.

Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan hubungan antara pantun sebagai teks sastera tradisional dengan nilai murni yang terkandung di dalamnya, dan seterusnya dikaitkan dengan pengajaran Pendidikan Moral untuk membentuk sahsiah pelajar sekolah menengah. Pantun dipilih kerana ia bukan sahaja kaya dengan unsur estetik bahasa, tetapi juga sarat dengan nasihat, panduan hidup, dan mesej moral yang selari dengan nilai murni dalam kurikulum Pendidikan Moral. Melalui proses pengajaran, pantun berfungsi sebagai medium yang kreatif dan mudah difahami untuk menyampaikan nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab, hormat-menghormati, kesopanan, dan semangat patriotisme. Nilai-nilai ini, apabila diasimilasi oleh pelajar, diharapkan dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah positif yang mencerminkan identiti warganegara berakhlak mulia.



Rajah 1. Kerangka Konseptual

Rajah 1 menunjukkan aliran hubungan antara pantun sebagai medium sastera tradisional dengan nilai-nilai murni yang disampaikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Nilai murni yang dihayati melalui pantun menyumbang kepada pembinaan jati diri pelajar dan seterusnya membentuk sahsiah yang positif.

Asas Teori Kajian

Kajian ini berlandaskan tiga kerangka teori utama. Pertama, Teori Nilai oleh Rokeach (1973) yang menjelaskan bahawa nilai merupakan prinsip hidup yang menjadi panduan kepada pemikiran dan tingkah laku manusia. Dalam konteks kajian ini, pantun berfungsi sebagai medium penyampaian nilai murni seperti kejujuran, tanggungjawab dan patriotisme yang membentuk orientasi moral pelajar.

Kedua, Teori Pendidikan Karakter (Lickona, 1991) yang menekankan pembinaan karakter melalui tiga komponen iaitu pengetahuan moral, perasaan moral dan tindakan moral.

Pantun yang sarat dengan nasihat dan pengajaran hidup dapat membantu pelajar bukan sahaja memahami nilai, tetapi juga menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Ketiga, Teori Konstruktivisme (Piaget, 1936; Vygotsky, 1978) yang berpandangan bahawa pembelajaran berlaku apabila pelajar membina pengetahuan melalui pengalaman dan interaksi sosial. Pantun yang dipelajari dan dibincangkan di dalam kelas memberi peluang kepada pelajar mengaitkan maksud pantun dengan pengalaman hidup mereka, sekali gus menjadikan proses pembelajaran nilai lebih bermakna dan berkesan.

Jelas bahawa Ketiga-tiga teori ini saling melengkapi; Teori Nilai oleh Rokeach menjelaskan asas dan struktur nilai yang membentuk panduan moral individu, Teori Pendidikan Karakter oleh Lickona memperincikan proses pembentukan karakter melalui dimensi kognitif, afektif, dan tingkah laku, manakala Teori Konstruktivisme menerangkan bagaimana nilai-nilai ini dapat diserap dan dihayati melalui interaksi pembelajaran yang autentik. Kesepaduan ketiga-tiga teori ini membentuk asas konseptual yang kukuh bagi memahami hubungan antara pantun, nilai murni, dan pembentukan sahsiah pelajar dalam konteks Pendidikan Moral di sekolah menengah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan deduktif tematik. Teks utama yang dipilih ialah Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015) yang mengandungi pantun-pantun berbentuk nasihat, teladan, dan pengajaran moral. Pemilihan teks ini dibuat kerana ia mewakili sebahagian penting daripada warisan sastra Melayu dan mempunyai kandungan nilai yang sesuai dianalisis dalam konteks Pendidikan Moral di sekolah menengah.

Data kajian terdiri daripada rangkap-rangkap pantun yang mencerminkan nilai murni tertentu. Unit analisis bagi kajian ini ialah rangkap pantun, yang dikenal pasti melalui proses mengenal pasti, menyalin, dan menyusun pantun mengikut tema nilai yang terkandung di dalamnya. Analisis kandungan deduktif digunakan dengan berpanduan kerangka nilai murni seperti yang diterapkan dalam Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Setiap rangkap pantun dianalisis berdasarkan tema nilai murni yang telah ditetapkan, antaranya ialah kejujuran, tanggungjawab, hormat-menghormati, kerjasama, dan patriotisme.

Kaedah deduktif dipilih kerana analisis dijalankan berdasarkan kategori nilai yang telah sedia wujud dalam kurikulum, berbeza daripada pendekatan induktif yang biasanya digunakan untuk membina tema baharu secara eksploratori daripada data tanpa kerangka awal. Melalui pendekatan deduktif tematik ini, setiap pantun ditafsirkan bagi mengenal pasti mesej moral yang disampaikan serta hubungannya dengan pengaplikasian nilai dalam konteks pendidikan. Kaedah ini membolehkan pantun bukan sahaja dihargai sebagai karya sastra tradisional yang indah, tetapi juga sebagai bahan pedagogi yang berkesan untuk membina sahsiah pelajar dan memperkukuh nilai moral dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan beberapa contoh pantun yang dipilih daripada Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015) dan diselaraskan dengan kerangka teori kajian. Daripada keseluruhan satu ratus dua puluh pantun yang terdapat dalam Pantun Pak Nazel (Nazel Hashim Mohammad, 2015), sebanyak 6 pantun (5%) telah dipilih untuk dianalisis sebagai gambaran awal terhadap potensi pantun sebagai medium pengajaran nilai murni dalam Pendidikan Moral. Pemilihan ini bersifat representatif dan berpandu kepada dua tema utama kajian, iaitu (i) Tema Agama, Nasihat dan Adat, serta (ii) Tema Semangat, Taat dan Harmonis. Pemilihan pantun dilakukan berdasarkan tiga kriteria utama, iaitu:

- i) Kandungan nilai murni yang jelas, seperti kejujuran, hormat, tanggungjawab, kasih sayang, dan kesyukuran.
- ii) Kesesuaian konteks dengan prinsip pengajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.
- iii) Keseimbangan antara unsur tradisi dan moden, agar dapat mencerminkan keharmonian antara nilai warisan budaya dan keperluan pendidikan semasa.

Analisis pantun-pantun ini bertujuan meneliti bagaimana nilai murni yang terkandung di dalamnya dapat disepadukan dengan teori nilai (Rokeach, 1973), teori pendidikan karakter (Lickona, 1991), serta teori konstruktivisme (Piaget, 1936; Vygotsky, 1978). Dengan pendekatan ini, setiap pantun yang dipilih bukan sahaja dianalisis dari sudut kandungan sasteranya, tetapi juga dinilai dari segi keberkesanannya sebagai medium pengajaran pendidikan moral kepada pelajar sekolah menengah. Justeru, perbincangan berikut menghuraikan maksud dan nilai yang terkandung dalam pantun terpilih bermula dengan tema Agama, Nasihat dan Adat.

Pantun Tema: Agama, Nasihat, Adat

i) Pantun Pertama

*Himpun jerami tepi rumah,
Boleh saja dibuat baja,
Kerjasama demi perpaduan ummah,
Dilalai ia rugilah sahaja.*

Pantun ini menekankan kepentingan kerjasama sebagai asas kepada perpaduan dalam masyarakat. Nilai murni kerjasama yang ditonjolkan berperanan membina hubungan yang harmoni dan saling melengkapi antara individu. Menurut Teori Nilai Rokeach (1973), kerjasama merupakan salah satu prinsip hidup yang menjadi panduan dalam tindakan manusia. Dari perspektif Teori Pendidikan Karakter Lickona (1991), pantun ini menggalakkan tindakan moral iaitu semangat bekerjasama dalam komuniti. Manakala melalui Teori Konstruktivisme (Piaget, 1936; Vygotsky, 1978), perbincangan mengenai maksud pantun ini dapat membantu pelajar mengaitkan nilai kerjasama dengan pengalaman mereka bekerja secara berkumpulan di sekolah.

ii) Pantun Kedua

*Bulan terang di Tanjung Tuan,
Batu tiba sudah pun lelap,
Hidup orang tanpa tujuan,
Bagai meraba di dalam gelap.*

Pantun ini membawa renungan tentang kehidupan tanpa matlamat yang disamakan dengan keadaan meraba dalam kegelapan. Nilai yang diketengahkan ialah kesedaran tentang tujuan hidup yang jelas. Hal ini sejajar dengan pandangan Rokeach(1973) bahawa nilai menjadi orientasi yang membimbing kehidupan seseorang. Dari sudut Lickona (1991), pantun ini merangsang pengetahuan moral apabila pelajar menyedari pentingnya mempunyai arah tuju dalam kehidupan. Konstruktivisme pula menekankan bahawa perbincangan pantun ini boleh membantu pelajar mengaitkan mesejnya dengan pengalaman peribadi, seperti penetapan cita-cita akademik atau kerjaya.

iii) Pantun Ketiga

*Panji-panji dinaik anjur,
Budak-budak bertepuk kaki,
Buat janji biarlah jujur,
Supaya tidak berburuk sangka.*

Pantun ini mengangkat nilai kejujuran khususnya dalam menepati janji. Kejujuran menjadi asas dalam membina kepercayaan dan mengelakkan salah faham dalam perhubungan sosial. Menurut Rokeach (1973), kejujuran merupakan prinsip moral yang mendasari tindakan manusia. Lickona (1991) pula menegaskan bahawa aspek perasaan moral, seperti rasa bersalah apabila tidak menepati janji, dapat mendorong individu bertindak dengan lebih beretika. Dari sudut konstruktivisme, pelajar dapat mengaitkan pengajaran pantun ini dengan pengalaman mereka sendiri apabila janji ditepati atau dilanggar dalam kehidupan seharian.

Pantun Tema: Semangat, Taat, Harmonis

i) Pantun Pertama

*Belayar ke Dumai perahunya laju,
Orang berlepas masuk kota,
Negara damai rakyat maju,
Menjadi harapan rakyat jelata.*

Pantun ini menonjolkan nilai patriotisme dan kepentingan keamanan negara sebagai asas kepada kemajuan rakyat. Nilai ini berkait dengan Teori Nilai Rokeach (1973) yang melihat patriotisme sebagai prinsip hidup kolektif dalam sesebuah masyarakat. Teori Pendidikan Karakter Lickona (1991) pula menekankan pembentukan perasaan moral iaitu rasa cinta dan tanggungjawab terhadap negara. Dari perspektif konstruktivisme, mesej pantun ini membolehkan pelajar menghubungkannya dengan pengalaman mereka melihat isu-isu semasa yang melibatkan keamanan dan pembangunan negara.

ii) Pantun Kedua

*Tangkap kelisa di ikan pelaga,
 Tiap hari waktu pagi,
 Maruah bangsa mesti dijaga,
 Baru diri dipandang tinggi.*

Pantun ini mengetengahkan nilai harga diri dan menjaga maruah bangsa sebagai identiti yang perlu dipelihara. Dari kerangka Rokeach (1973), menjaga maruah bangsa dilihat sebagai nilai moral penting untuk membentuk kehormatan diri. Lickona (1991) menekankan aspek perasaan moral di mana pelajar dapat merasai kebanggaan terhadap identiti bangsa apabila maruah dijaga. Menurut konstruktivisme, perbincangan pantun ini dapat membantu pelajar mengaitkan nilai tersebut dengan pengalaman menjaga disiplin dan memelihara adat budaya dalam kehidupan mereka.

iii) Pantun Ketiga

*Bawa joran mengail keli,
 Kutip cendawan kacang kelisa,
 Duduk berjiran saling mengenali,
 Baru perpaduan dapat dirasa.*

Pantun ini membawa mesej tentang hidup bermasyarakat melalui amalan mengenali jiran. Nilai murni yang diketengahkan ialah persaudaraan dan perpaduan. Dari perspektif Rokeach (1973), perpaduan merupakan prinsip yang membimbing kehidupan bermasyarakat. Teori Pendidikan Karakter Lickona (1991) pula melihat kepada tindakan moral iaitu amalan tolong-menolong sesama jiran. Manakala teori konstruktivisme menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman, di mana pelajar dapat menghubungkan pengajaran pantun ini dengan kehidupan mereka di kejiranan masing-masing.

Pantun	Nilai Murni	Analisis Ringkas	Hubungan Teori
1. Himpun jerami tepi rumah / Boleh saja dibuat baja / Kerjasama demi perpaduan Ummah / Dilalai ia rugilah sahaja.	Kerjasama, perpaduan	Pantun ini menekankan pentingnya bekerjasama demi perpaduan masyarakat. Jika kerjasama diabaikan, masyarakat akan rugi.	Rokeach (1973): Kerjasama sebagai prinsip hidup. Lickona (1991): Membangun tindakan moral melalui pengalaman bekerjasama. Konstruktivisme: Pelajar belajar nilai kerjasama melalui interaksi sosial di sekolah.
2. Bulan terang di Tanjung Tuan / Batu tiba sudah pun lelap / Hidup orang tanpa tujuan / Bagai meraba di dalam gelap.	Tujuan hidup, kesedaran diri	Pantun ini mengingatkan bahawa hidup tanpa matlamat akan sesat dan tidak bermakna, sama seperti berjalan dalam gelap.	Rokeach: Nilai hidup sebagai panduan orientasi diri. Lickona: Pengetahuan moral (menyedari pentingnya tujuan hidup). Konstruktivisme: Pelajar mengaitkan matlamat hidup dengan cita-cita dan pengalaman sendiri.

Pantun	Nilai Murni	Analisis Ringkas	Hubungan Teori
3. Panji-panji dinaik anjur / Budak-budak bertepuk kaki / Buat janji biarlah jujur / Supaya tidak berburuk sangka.	Kejujuran, Amanah	Pantun menekankan nilai menepati janji. Kejujuran menjadi asas untuk mengelakkan salah faham dan menjaga hubungan sosial.	Rokeach: Kejujuran sebagai prinsip moral. Lickona: Membentuk perasaan moral (rasa bersalah jika mungkir janji). Konstruktivisme: Perbincangan tentang pengalaman mungkir janji menjadikan pembelajaran bermakna.
4. Belayar ke Dumai perahunya laju / Orang berlapan masuk kota / Negara damai rakyat maju / Menjadi harapan rakyat jelata.	Patriotisme, keamanan, kesejahteraan	Pantun ini menggambarkan hubungan erat antara keamanan negara dengan kemajuan rakyat.	Rokeach: Patriotisme sebagai nilai bersama. Lickona: Menyemai rasa cinta negara (perasaan moral). Konstruktivisme: Pelajar kaitkan dengan pengalaman melihat isu keamanan & kemajuan negara.
5. Tangkap kelisa di ikan pelaga / Tiap hari waktu pagi / Maruah bangsa mesti dijaga / Baru diri dipandang tinggi.	Harga diri, maruah bangsa	Pantun menekankan pentingnya menjaga maruah bangsa sebagai asas identiti dan penghormatan.	Rokeach: Nilai harga diri & kehormatan. Lickona: Menghayati kebanggaan identiti bangsa (perasaan moral). Konstruktivisme: Pelajar kaitkan dengan pengalaman menjaga disiplin & adat budaya.
6. Bawa joran mengail keli / Kutip cendawan kacang kelisa / Duduk berjiran saling mengenali / Baru perpaduan dapat dirasa.	Hidup bermasyarakat, persaudaraan	Pantun ini menekankan kepentingan mengenali jiran untuk membina perpaduan dan keharmonian sosial.	Rokeach: Perpaduan sebagai prinsip hidup bermasyarakat. Lickona: Membina tindakan moral melalui amalan tolong- menolong sesama jiran. Konstruktivisme: Pelajar kaitkan dengan pengalaman hidup berjiran.

Keenam-enam pantun yang dianalisis memperlihatkan bahawa karya tradisi ini sarat dengan nilai moral yang relevan untuk pembinaan jati diri pelajar sekolah menengah. Pantun bertema agama, nasihat dan adat menekankan aspek kerjasama, tujuan hidup, serta kejujuran sebagai panduan utama dalam interaksi sosial dan pembinaan sahsiah. Sementara itu, pantun bertema semangat, taat dan harmonis pula menyerlahkan nilai patriotisme, harga diri bangsa, dan semangat kejiranan yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat majmuk.

Kesemua nilai yang terkandung dalam pantun ini selari dengan Teori Nilai Rokeach (1973) yang membezakan nilai instrumental (seperti jujur, bekerjasama, menjaga maruah) dengan nilai terminal (seperti perpaduan, kesejahteraan, dan kemajuan bangsa). Di samping itu, pantun juga memenuhi gagasan Pendidikan Karakter Lickona (1991) kerana mengandungi

elemen pengetahuan, perasaan, dan amalan moral yang dapat membimbing pelajar daripada sekadar memahami nilai kepada menghayatinya. Dari sudut Teori Konstruktivisme, Piaget (1936) dan Vygotsky (1978) pula, pantun memberikan ruang kepada pelajar untuk mengaitkan pengajaran yang tersirat dengan pengalaman harian mereka, seterusnya menjadikan pembelajaran lebih bermakna.

Jelas bahawa ketiga-tiga teori yang diaplikasikan dalam analisis ini saling melengkapi antara satu sama lain dalam membentuk kefahaman yang menyeluruh tentang nilai murni dalam pantun. Teori Nilai Rokeach (1973) memberikan asas konseptual terhadap jenis dan hierarki nilai yang ingin diterapkan; Teori Pendidikan Karakter Lickona (1991) pula memperkukuh dimensi penghayatan nilai melalui pengetahuan, emosi, dan tindakan; manakala Teori Konstruktivisme Piaget (1936) dan Vygotsky (1978) menyediakan landasan pedagogi yang membolehkan pelajar membina makna nilai tersebut melalui pengalaman sosial dan konteks kehidupan mereka. Apabila ketiga-tiga teori ini digabungkan, ia menghasilkan satu pendekatan holistik yang menyeimbangkan pemahaman kognitif (*knowing*), penghayatan afektif (*feeling*), dan amalan moral (*acting*). Justeru, pantun bukan sahaja berfungsi sebagai teks estetik, tetapi juga sebagai wahana pendidikan nilai yang menyatukan dimensi intelektual, emosi, dan sosial pelajar dalam pembelajaran abad ke-21.

Oleh itu, analisis ini membuktikan bahawa pantun bukan sekadar warisan budaya yang indah dari segi bahasa dan bentuk, tetapi juga berfungsi sebagai medium pengajaran pendidikan moral yang relevan dengan cabaran pendidikan abad ke-21, khususnya dalam usaha membentuk generasi yang berilmu, berakhlak, dan berjiwa patriotic

Implikasi dan Cadangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pantun yang sarat dengan nilai murni seperti kerjasama, kejujuran, semangat kejiwaan dan patriotisme berpotensi besar sebagai bahan bantu mengajar autentik dalam Pendidikan Moral. Penggunaan pantun memperkaya kaedah pedagogi guru serta mewujudkan pembelajaran yang kreatif dan berteraskan budaya tempatan. Implikasi ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, khususnya Anjakan Ke-3 yang menekankan pembentukan rakyat Malaysia yang menghayati nilai, dan Anjakan Ke-9 yang menyeru pemantapan bahasa serta budaya tempatan dalam pendidikan. Selain itu, integrasi pantun dalam pengajaran juga memenuhi aspirasi DSKP Pendidikan Moral KSSM, yang menuntut pembelajaran kontekstual, reflektif, dan berpaksikan pembinaan sahsiah pelajar secara holistik.

Bagi memperkukuh pelaksanaan, pertama, guru disaran untuk memasukkan pantun dalam aktiviti pengajaran Pendidikan Moral secara terancang, contohnya melalui analisis nilai, perbincangan maksud tersirat, serta aktiviti kreatif seperti mengubah pantun baharu berasaskan nilai yang ingin diterapkan. Kedua, pihak sekolah boleh memperluas penggunaan pantun dalam aktiviti kokurikulum seperti pertandingan deklamasi pantun, forum nilai murni berpantun, atau projek komuniti yang mengangkat warisan budaya. Di samping itu, pihak sekolah dan KPM juga digalakkan memperluas pembangunan profesional guru melalui latihan dan bengkel yang menekankan pengintegrasian sastera tradisional dalam Pendidikan Moral. Cadangan ini diharapkan dapat menjadikan Pendidikan Moral lebih menarik, kontekstual, dan berakar umbi pada warisan bangsa, sambil tetap memenuhi keperluan pembangunan karakter pelajar dalam era globalisasi.

Sementara itu, kajian lanjutan boleh meneliti keberkesanan pendekatan ini secara empirik, sama ada melalui kajian tindakan, kajian kuasi-eksperimen atau kajian kes di bilik darjah sebenar bagi menilai sejauh mana penggunaan pantun mampu meningkatkan kefahaman, penghayatan, dan amalan nilai moral dalam kalangan pelajar. Penyelidikan seumpama ini boleh mengenal pasti perubahan dalam dimensi kognitif (pengetahuan nilai), afektif (penghayatan dan sikap), serta psikomotor (perlakuan moral) pelajar selepas terlibat dalam aktiviti pembelajaran berasaskan pantun. Selain itu, skop kajian juga boleh diperluas kepada genre sastera tradisional lain seperti syair, gurindam, dan seloka bagi melihat keberkesanan unsur naratif dan estetik yang berbeza dalam menyampaikan nilai murni. Dengan cara ini, warisan sastera Melayu dapat dimanfaatkan secara menyeluruh sebagai sumber pendidikan moral yang autentik dan bermakna.

Secara keseluruhannya, pendekatan berasaskan pantun berpotensi menjadi strategi pedagogi nasional yang menyemai nilai sejagat berasaskan jati diri bangsa, sejajar dengan aspirasi Pendidikan Moral abad ke-21 yang menekankan pembentukan pelajar berfikiran kritis, berakhlak, dan berjiwa patriotik. Integrasi pantun dalam kurikulum bukan sahaja menghidupkan semula warisan budaya tempatan, tetapi juga membina jambatan antara tradisi dan pendidikan moden. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sekadar belajar tentang nilai, tetapi turut membina kepekaan budaya dan rasa bangga terhadap identiti kebangsaan mereka.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini membuktikan bahawa pantun bukan sahaja berfungsi sebagai medium kesusasteraan tradisional, tetapi juga sebagai wahana pendidikan moral yang dinamik dan kontekstual dalam pengajaran di sekolah menengah. Analisis terhadap enam rangkap pantun daripada tema agama, nasihat, adat, semangat, taat dan harmonis memperlihatkan bahawa karya tradisional ini sarat dengan nilai murni seperti kerjasama, kejujuran, tujuan hidup, patriotisme, harga diri bangsa, dan semangat kejiranan. Nilai-nilai ini selari dengan Teori Nilai Rokeach (1973) yang menekankan keseimbangan antara nilai instrumental dan terminal; Teori Pendidikan Karakter Lickona (1991) yang memadukan pengetahuan, perasaan dan tindakan moral; serta Teori Konstruktivisme Piaget (1936) dan Vygotsky (1978) yang menegaskan pembinaan makna melalui pengalaman sosial dan refleksi sendiri. Integrasi ketiga-tiga teori ini membentuk satu kerangka pemahaman holistik tentang bagaimana nilai dapat difahami, dihayati dan diamalkan melalui teks sastera seperti pantun.

Dari segi sumbangan akademik, kajian ini memperkayakan wacana interdisiplin antara bidang kesusasteraan Melayu dan Pendidikan Moral, dengan memperkenalkan pendekatan analisis nilai berasaskan teori psikologi dan pendidikan. Kajian ini turut membuka ruang kepada penyelidikan lanjut mengenai potensi sastera tradisional sebagai medium pembelajaran karakter dalam konteks kontemporari. Dari segi sumbangan sosial dan pendidikan, hasil kajian ini menyokong usaha KPM untuk melahirkan generasi pelajar yang berakhlak, berjiwa patriotik dan berakar umbi pada warisan budaya bangsa. Oleh itu, mengintegrasikan pantun dalam pengajaran Pendidikan Moral bukan sahaja memperkukuh jati diri pelajar, malah memperkaya pendekatan pedagogi berasaskan budaya tempatan, selaras dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 yang menyeimbangkan ilmu, nilai, dan identiti nasional.

Conflict of Interest: *The authors have no conflicts of interest to declare.*

Author Contributions: *Norfickry Azield Tajip wrote the manuscript. The author has read and agreed to the published version of the manuscript.*

Institutional Review Board Statement: *Not applicable.*

Informed Consent Statement: *Not applicable.*

Data Availability Statement: *The data presented in this review are available on request from the corresponding author.*

Acknowledgement: *Not applicable.*

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2011). Konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99–117.
- Azim Normiza Ahmad, & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). Nilai patriotisme dalam Pantun Pak Nazel. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(2), 37-49.
<https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0902-04>
- Harun Mat Piah. (2004). *Puisi Melayu tradisional: Nasihat dan pengajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025*.
<https://www.padu.edu.my/my/about-the-blueprint/>. Retrieved on: 17 August 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Moral Dokumen Standard Kurikulum*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lickona, T. (1991). *Educating for character: How our schools can teach respect anresponsibility*. Bantam Books.
- Nazel Hashim Mohammad. (2015). *Pantun Pak Nazel*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Piaget, J. (1936). *The origins of intelligence in children*. International Universities Press.
- Rokeach, M. (1973). *The nature of human values*. The Free Press.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Widiastuti, R., & Lestari, A. D. (2022). *Nilai-nilai pendidikan karakter dalam pantun nasihat siswa sekolah dasar*. Universitas Sebelas Maret.
- Zuriah, Y. (Ed.). (2016). *Pendidikan moral dan budi pekerti dalam perspektif perubahan: Menggagas platform pendidikan budi pekerti secara kontekstual dan futuristik*. Bumi Aksara.

Disclaimer / Publisher's Note: *The statements, opinions and data contained in all publications are solely those of the individual author(s) and contributor(s) and/or the editor(s). The editor(s) disclaim responsibility for any injury to people or property resulting from any ideas, methods, instructions or products referred to in the content.*